

R BAH
MAHATHIR-UMNO

JITRA, 25 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BETAPA PERLUNYA RAKYAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI MENARUH KEYAKINAN PENUH KEPADA UMNO SEBAGAI PARTI YANG MENERAJUI PEMERITAHAN NEGARA.

BELIAU BERHARAP +KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN+ RAKYAT TERHADAP UMNO AKAN BERKEMBANG HINGGA MENJADI SATU CORAK BUDAYA MASYARAKAT, KATANYA.

UMNO, KATANYA ADALAH PARTI TERBESAR DI KALANGAN 13 PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) DAN TELAH MEMBUKTIKAN KEKUATANNYA DAN KEMANTAPANNYA DALAM PILIHANRAYA UMUM YANG LALU DENGAN MEMENANGI HAMPIR SEMUA KERUSINYA YANG DITANDINGINYA, KATANYA.

UMNO TELAH JUGA MEMBANTU BN MEMENANGI 80 PERATUS KERUSI DALAM PILIHANRAYA TERSEBUT, KATA BELIAU DALAM PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 1,500 ORANG GURU DARI DAERAH KUBANG PASU, DI SEKOLAH MENENGAH JITRA, DI SINI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENEGASKAN BAHAWA ADALAH LEBIH BAIK NEGARA MEMPUNYAI SEBUAH PARTI POLITIK YANG BESAR DAN KUAT SEBAGAI TERAJU PEMERINTAH DARIPADA MEMPUNYAI +300, 500 ATAU 1,000 PARTI YANG LEMAH.+ --LAGI

1907MST 25 07 88

BA145

R BAH
MAHATHIR-UMNO 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO DALAM PERJUANGANNYA JUGA MENGAMBILKIRA KOMPOSISI MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERBILANG KAUM DAN KERANA ITU DASAR PEMERINTAHAN NEGARA JUGA BERASASKAN FALSAFAH YANG TERSENDIRI DAN BUKAN BERASASKAN IDEOLOGI SEPerti KOMUNIS ATAU SOSIALIS.

MENURUT PERDANA MENTERI, PERJUANGAN UMNO UNTUK MEMPERTINGKATKAN TARAF EKONOMI ORANG-ORANG MELAYU JUGA DIFAHAMI OLEH SEMUA KAUM.

+HANYA MEREKA YANG KUAT BERPEGANG KEPADA FAHAMAN PERKAUMAN SAHAJA YANG MENENTANG USAHA ITU,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU BERKATA, PERJUANGAN UNTUK MENAIKKAN TARAF EKONOMI ORANG MELAYU BUKAN DILAKUKAN DENGAN +MERAMPAS+ HAK KAUM LAIN TETAPI DENGAN MEMBESARKAN LAGI +KEK+ EKONOMI NEGARA AGAR IA BOLEH DIKONGSI BERSAMA OLEH SEMUA KAUM.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH UMNO PADA MASA LEPAS KINI MENJADI +ROSAK SEDIKIT+ AKIBAT PERBUATAN GULONGAN TERTENTU YANG TERPENGARAUH DENGAN GEJALA +LEBIH BERNAFSU DARIPADA TANGGUNGJAWAB.+ --LAGI

1910MST 25 07 88

↓ BA146

R BAH
MAHATHIR-UMNO 3 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO BAHAWA PERJUANGAN MEREKA ADALAH UNTUK KEPENTINGAN MASYARAKAT DAN BUKANNYA KEPENTINGAN INDIVIDU ATAU PUN KEPENTINGAN PRESIDEN PARTI SAHAJA.

ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROF DAN PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI, ENCIK HASHIM MYDIN TURUT MENGHADIRI MAJLIS ITU.--BERNAMA

1920MST 25 07 88